

# [THE CONCEPT OF ISLAMIC LOVE ROMANTICISM BASED ON RASA INSANIAH MODEL THEORY]

## KONSEP CINTA ROMANTISME ISLAM BERDASARKAN TEORI MODEL RASA INSANIAH

*Ummi Hani Abu Hassan*  
ummihani.abuhassan@um.edu.my (Corresponding Author)  
Jabatan Kesusasteraan Melayu  
Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya,  
50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia

*Nor Raudah Siren*  
raudah68@um.edu.my  
Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan  
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,  
50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia

### Abstract

Love is often a theme in both traditional and modern literature. One of the controversial themes of love in Islamic society is the love romanticism. This study continues the discussion of love romanticism concept from Islamic perspective to examine the tendency of feelings between men and women in Islamic novels, especially in Malaysia. The study finds that the Rasa Insaniah Model Theory can be the root for authors through its three main principles, namely The Principle of Devotion to Allah SWT, The Principle of Good Speech and The Principle of Subtle Meaning. Thus, based on this theory, Islamic literary works can be better analyzed according to the context of religion, culture, and their environment. The first principle of this theory binds the second and third principles so that love romanticism can be elevated with beautiful and subtle language style while refuting language style that evokes readers' lust.

**Keyword:** *Love romanticism, Rasa Insaniah model, novel, Islamic literature, local theory*

### Abstrak

Cinta kerap menjadi tema dalam kesusasteraan baik tradisional mahupun moden. Salah-satu tema cinta yang menimbulkan kontroversi dalam masyarakat Islam adalah cinta romantisme. Kajian ini meneruskan perbincangan konsep cinta romantisme dari perspektif Islam guna meneliti kecenderungan rasa antara lelaki dan perempuan dalam novel-novel berunsurkan Islam khususnya di Malaysia. Kajian mendapati bahawa Teori Model Rasa Insaniah dapat menjadi landasan kepada para pengkarya melalui tiga prinsip utamanya iaitu Prinsip Pengabdian Kepada Allah SWT, Prinsip Pengucapan Beradab dan Prinsip Kehalusan Makna. Seterusnya, berdasarkan Teori Model Rasa Insaniah juga, sesuatu karya yang dihasilkan pengkarya Muslim Melayu-Nusantara dapat dianalisis lebih halus sesuai dengan konteks agama, budaya dan persekitaran mereka. Prinsip pertama teori ini mengikat prinsip kedua dan ketiga sehingga cinta romantisme dapat diangkat dengan gaya bahasa yang indah dan halus serta menafikan bahasa yang membangkitkan syahwat pembaca.

**Kata kunci:** *Cinta romantisme, Model Rasa Insaniah, novel, sastera Islam, teori tempatan*

*Article Received:*  
14 August 2020

*Article Reviewed:*  
30 August 2020


*Article Published:*  
30 November 2020

## PENGENALAN

Cinta adalah satu perasaan subjektif dan tergolong dalam estetika atau keindahan manusia. Abdul Rahim Abdullah (2011: 2) mengatakan kesusasteraan Melayu memerlukan konsep rasa yang sesuai untuk menilai unsur-unsur estetik yang bersifat semangat, roh dan jiwa berbanding menggunakan teori dari barat. Satu-satunya teori Melayu-Islam yang menyentuh konsep perasaan dengan mendalam adalah Model Rasa Insaniah (selepas ini disebut MRI). Teori MRI menawarkan kajian berkaitan rasa yang terbit daripada konsep keindahan perasaan keislaman yang syumul secara serius. Sebagai teori yang muncul pada tahun 2000 dan diperkuatkan pada tahun 2012, ianya boleh dikatakan teori lokal yang baru dan relevan untuk dikembangkan. Kajian ini mengambil satu daripada tujuh rasa dalam MRI iaitu rasa cinta bagi tujuan mewujudkan model yang dapat menjadi landasan analisis terhadap novel-novel berunsurkan cinta romantisme Islam. Kajian seterusnya akan menjelaskan teori MRI secara ringkas sebelum memfokuskan perbincangan konsep Cinta Romantisme Islam.

## MODEL RASA INSANIAH

Model Rasa Insaniah (MRI) adalah teori sastera Islam yang baharu diperkenalkan pada tahun 2000 melalui tesis sarjana pengagasnya, Shamsudin Othman yang bertajuk *Rasa Insaniah: Analisis Terhadap Kumpulan Puisi Sekepal Tanah*. Pada tahun 2012, beliau mengukuhkan lagi teori tersebut melalui tesis kedoktorannya yang berjudul *Model Rasa Insaniah dalam Puisi Tiga Penyair Nusantara*. Pemilihan teori MRI sebagai landasan kajian ini adalah disebabkan tujuan kewujudannya sebagai pelengkap teori-teori sastera Islam di Malaysia sebelum ini. MRI membuat improvisasi tiga teori dan menggabungkan ketiganya di bawah prinsip perasaan keislaman. Tiga teori tersebut ialah Teori Takmilah, Teori Pengkaedahan Melayu dan Teori Rasa-Fenomenologi dengan hanya mengambil kira unsur-unsur Islam yang terdapat di dalamnya sahaja. Berikut adalah ilustrasi Teori MRI,



ILUSTRASI 1. Model Rasa Insaniah

Keunikan Teori Model Rasa Insaniah (MRI) adalah satu-satunya teori sastera Islam di Malaysia yang memfokuskan terhadap perasaan keislaman bagi memahami makna keindahan dan estetika dalam karya sastera. Walau bagaimanapun, MRI tidak melepaskan konsepnya daripada pergantungan terhadap teori-teori sastera Islam sebelumnya, selagi konsep tersebut berpaksikan kepada prinsip tauhid, prinsip akhlak dan prinsip dakwah.

Namun, MRI memilih tiga teori yang dilihat cocok untuk mengukuhkan perbincangan tentang perasaan keislaman khususnya di kalangan masyarakat Melayu bermula dengan Teori Takmilah. Teori ini dilabelkan sebagai (A) iaitu asas mengenali konsep keindahan Islam dalam karya sastera. Takmilah merupakan istilah Arab yang bermaksud penyempurnaan (Kamariah, 2011). Bagi mencapai kesempurnaan dalam menghasilkan karya sastera yang indah, penulis mengalami proses holistik yang melibatkan hubungan dengan Tuhan dan agama serta hubungan sesama manusia. Shamsudin Othman (2012:120) menjelaskan, "Takmilah telah menggariskan ciri-ciri jelas yang merangkumi bentuk, isi, tema, struktur, teknik, watak, perwatakan, sudut pandang, nilai, mesej, dan ideologi sebagai unsur struktural dalam pengkaryaan. Semuanya ini perlu kembali kepada keindahan Islam yang bersifat sempurna."

Tujuh prinsip yang menjadi teras Teori Takmilah adalah prinsip ketuhanan yang bersifat kamal, prinsip kerasulan yang bersifat insan kamil, prinsip keislaman yang bersifat akmal, prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat takamul, prinsip sastera yang berciri estetik dan bersifat takmilah, prinsip pada pengkarya yang perlu mengistimakan diri serta prinsip khalayak ke arah pemupukan insan kamil (Kamariah, 2011). MRI melihat tujuh prinsip ini tidak boleh dipinggirkan dalam kritikan sastera Islam, namun MRI memodifikasikan menjadi satu prinsip iaitu prinsip pengabdian kepada Allah SWT dengan bersandarkan kepada Surah al-Ma'idah 5:35. MRI mengutarakan setiap perbuatan manusia yang bertujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT sebagai bentuk pengabdian. Malahan, manusia dituntut untuk sentiasa berada dalam landasan ketakwaan (Shamsudin, 2012). Dengan hujahan ini, pengkaryaan sastera dituntun oleh sifat kesempurnaan Allah SWT serta teladan mulia daripada Rasulullah SAW.

Selanjutnya, MRI menggandingkan prinsip pengabdian kepada Allah SWT dengan Teori Pengkaedahan Melayu di bawah simbol (B). Melalui cabang Pengkaedahan Keagamaan dan Prinsip Pengabdian kepada Allah SWT, MRI meyakini akan menemukan intipati konsep Melayu dan Islam yang berada dalam lingkaran kehidupan pengkarya seperti yang disebutkan Shamsudin Othman (2012:123),

Gabungan dan penambahbaikan Pengkaedahan Keagamaan telah diserapkan ke dalam Model Rasa Insaniah dengan tujuan memastikan bahawa rasa yang lahir daripada emosi orang Melayu itu dapat bergerak seiring dengan rasa keislaman yang berada dalam satu fenomenologi Melayu. Oleh itu, penyerapan yang berlaku itu dapat dilihat berlaku dalam situsai yang biasa atau terserap secara sendiri kerana Islam yang memasuki alam Melayu juga berlaku dalam proses yang alamiah.

MRI juga percaya sifat positif orang Melayu adalah mereka suka berbuat kebaikan dan menegur hal-hal yang bertentangan dengan adat budaya Melayu dengan cara berhikmah. Hal ini kerana orang Melayu dibentengi oleh ajaran Islam dan budaya timur yang mementingkan sifat halus, lemah-lembut dan beradab. Pengkaedahan Keagamaan terbahagi kepada tiga iaitu Pendekatan Dakwah, Pendekatan Kemasyarakatan dan Pendekatan Seni. Tiga instrumen ini digunakan untuk mengukuhkan lagi perasaan keislaman dalam proses pengkaryaan. Seterusnya, untuk melihat perasaan dalam konteks persekitaran dan masyarakat, MRI menggunakan Teori Rasa-Fenomenologi dengan label (C). Shamsudin Othman (2012: 129) menjelaskan kesesuaian teori ini adalah kerana fokusnya yang berkaitan emosi dan rasa,

Teori ini terdiri daripada emosi tetap yang terhasil daripada sifat kasih, riang, sedih, marah, bertenaga, takut, jijik, hairan dan tenteram. Daripada sifat tersebut, maka emosi tetap ini menjadi ekspresi sastera dan dikenali sebagai sembilan rasa, iaitu rasa berahi, rasa lucu, rasa duka, rasa berang, rasa wira, rasa dahsyat, rasa benci, rasa kagum, dan rasa tenang. Oleh itu, konsep emosi tetap dalam *Rasa-Fenomenologi* menyebabkan interaksi pembaca dengan karya menjadi lebih berkesan kerana pembaca tidak hanya bersandar pada rangsangan kualiti karya sahaja untuk mengecapi nikmat estetika. Sehubungan itu, antara emosi tetap yang bersifat positif itu akan menjadi satu tarikan ataupun kuasa yang dikenali sebagai emosi pelengkap.

Teori *Rasa-Fenomenologi* dapat menjadi penyeimbangan antara perasaan yang lahir dalam diri manusia berbangsa Melayu melalui pengubasuaian dan ikatan dengan Teori Takmilah dan Teori Pengkaedahan Melayu. Garis tidak bersambung dengan label (D), (E) dan (F) adalah titik pertemuan antara tiga teori tersebut bagi memunculkan satu gagasan utama iaitu Rasa Insaniah dengan label (G). Label (D) adalah kesan rasa yang pertama dalam MRI iaitu Rasa Insan- Islam hasil ikatan antara prinsip pengabdian kepada Allah SWT dengan Pengkaedahan Keagamaan. Shamsudin Othman (2012) memfokuskan Rasa Insan-Islam ini dalam konteks masyarakat Melayu-Islam. Seterusnya, kesan kedua adalah Rasa Berbudaya Melayu yang dijalinkan melalui ikatan antara Prinsip Pengkaedahan Keagamaan dengan perasaan positif dari Teori *Rasa-Fenomenologi*. Rasa terakhir sebelum terbentuknya Rasa Insaniah adalah Rasa Kemanusiaan Sejagat yang terbentuk dari gabungan Teori Takmilah atau Prinsip pengabdian kepada Allah SWT dengan Teori *Rasa-Fenomenologi*. Hasil perbincangan teori-teori dan konsep yang membentuk MRI telah menemukan prinsip asas yang menjadi tonggak MRI untuk berdiri sebagai satu model sastera Islam-Melayu terkini iaitu,

1. Pengabdian kepada Allah.
2. Pengucapan beradab.
3. Kehalusan makna.

Shamsudin Othman (2012) menetapkan rasa yang mendokong fitrah keimanan manusia adalah rasa takwa, rasa cinta, rasa takut, rasa syukur, rasa taubat, rasa rindu, rasa simpati atau rasa pasrah. Bahkan konsep rasa insaniah menolak perasaan negatif dalam diri pengkarya. Perasaan positif ini muncul apabila seseorang manusia patuh dan mengabdikan diri kepada Allah SWT. Kesedaran akan hakikat manusia sebagai hamba dan makhluk menyebabkan manusia berkelakuan baik dan beradab. Terakhir, hikmah yang melahirkan akhlak mulia akan membimbing manusia dalam pengucapan yang bersandar kepada konsep kehalusan makna.

## CINTA ROMANTISME

Perbincangan tentang cinta romantisme telah berlangsung sejak Zaman Yunani lebih 2500 tahun lalu. Sehingga kini, definisi cinta romantisme merentasi pelbagai bidang termasuk falsafah, psikologi dan kesusasteraan. Plato dalam karya *Symposium* mengatakan keinginan untuk mendapatkan kebahagiaan peribadi atau *self love* menjadi motif di sebalik semua bentuk cinta kepada manusia dan benda (Soble, 1989). Cinta romantisme diistilahkan Plato sebagai *Eros* yang bermaksud cinta ghairah atau keinginan seksual (Steadman, 2009). Plato lebih melihat *Eros* sebagai keinginan peribadi seseorang untuk memiliki keindahan yang ideal dan kecantikan mutlak dari orang yang dicintai. Anders Nygren (1989) membahagikan *Eros* kepada tiga bentuk. Pertama, *Eros* adalah cinta keghairahan atau *acquisitive love*. Cinta ini berada di tahap pertengahan antara

memiliki dan tidak memiliki. *Eros* juga bermaksud keinginan, kerinduan dan perjuangan. Menurut Plato, manusia hanya mengingini perkara yang tidak dimilikinya, bahkan manusia terdorong berusaha mendapatkan perkara tersebut jika ianya bernilai kepada mereka.

*Hence love, as Plato sees it, has two main characteristics, the consciousness of a present need and the effort to find satisfaction for it in a higher and happier state. The sense of need is an essential constituent of Eros; for without a sense of need acquisitive love would never be aroused (Nygren, 1989: 89).*

Kedua, *Eros* adalah jalan manusia menuju Tuhan (*Divine*). Plato mengatakan *Eros* sebagai sesuatu perantaraan yang mempunyai signifikan agama serta pengukur antara ketuhanan dan manusiawi. *Eros* menambahkan sesuatu tidak sempurna kepada sempurna, sesuatu yang fana kepada abadi.

*For love is always the desire of the lower for the higher, the imperfect to the perfect. Eros is the way by which man mounts up to the Divine, not the way by which the Divine stoops down to man (Nygren, 1989: 90).*

Ketiga, *Eros* adalah cinta yang berunsurkan pemikiran ego (*egocentric love*). Malahan pemikiran ini dikatakan struktur asas kepada *Eros*. Plato menegaskan, setiap perkara berpusat kepada diri individu dan takdirnya,

*All that matters from first to last is the soul that is aflame with Eros, its Divine nature, its present straits while it is in bondage to the body, its gradual ascent to the world above, its blessed vision of the Ideas in their unveiled glory (Nygren, 1989: 91).*

Pemikiran ego menjadi titik tolak kepada rasa berkehendak dan rindu dalam jiwa manusia. Di sini, Plato mengaitkan dengan matlamat cinta iaitu individu mahukan sesuatu yang mereka fikirkan berguna untuk kehidupan mereka. Manusia menurut Plato akan sentiasa berjuang untuk memenangi kemasyhuran abadi dan kemuliaan. Hujahan Plato tentang cinta romantisme adalah bersifat contoh-contoh dari Zaman Purba Greek. Namun, konsep tersebut mendasari perbincangan cinta romantisme di zaman moden. Dalam kajian psikologi, cinta sering ditanggapi sebagai fenomena sosial. Hasan Atak dan Nuray Tastan (2012) mengatakan cinta romantisme adalah bahagian cinta yang intim antara lelaki dan wanita yang melibatkan emosi dan perasaan peribadi seseorang untuk yang lain. Rousar (1990) mengatakan yang sama iaitu cinta adalah sikap yang dipegang oleh seseorang kepada seseorang yang lain dengan melibatkan perasaan, pemikiran dan tindakan tertentu kepada individu tersebut. Cinta romantik membuatkan manusia berfikiran positif dalam persahabatan dan hubungan intim. Di waktu lain, ianya juga menjadi punca kesedihan dan penderitaan (Stavogiannis et al., 2017). Cinta romantisme juga adalah dorongan emosi ke arah keintiman dan aktiviti seksual antara pasangan. Namun, ianya tidak didasarkan atas nafsu semata-mata kerana cinta romantisme dan nafsu memiliki ruang sendiri dalam fikiran manusia (Kwon & Han, 2017). Hasil kajian mereka mendapati bahawa cinta romantisme membuatkan individu berfikiran ke hadapan, bersikap realistik dan mampu mengawal diri.

Dalam kesusasteraan sepanjang zaman, istilah cinta romantisme tidak dapat dipinggirkan baik dalam kesusasteraan tradisional mahupun moden kerana cinta adalah sebahagian daripada kehidupan manusia (Muhammad, 2011). Penghasilan konsep cinta romantisme dalam novel Inggeris awal abad ke-20M didorong latar masyarakat sebelumnya terutama zaman pemerintahan Ratu Victoria di England pada tahun 1837 hingga 1901. Di era tersebut, budaya etika Puritanisme dari bangsa Anglo-Saxon paling

mempengaruhi masyarakat Victoria sehingga terpancar dalam kesusasteraan (Mohd Zariat, 2011: 41). Konsep cinta ketika itu sarat dengan dua nilai utama iaitu kesopanan dan moral Kristian (De Rougemont, 1940). Kern (1996) secara aktif menggariskan tanda-tanda cinta yang wujud dalam kesusasteraan Inggeris sehingga awal abad ke-20 seperti penantian (*waiting*), pertemuan (*meeting*), pertemuan dekat (*encounter*), penjelmaan (*embodiment*), keinginan (*desire*), bahasa (*language*), pendedahan (*disclosure*), ciuman (*kissing*), jantina (*gender*), kuasa (*power*), orang kedua/ asing (*others*), cemburu (*jealousy*), ego diri (*selfhood*), lamaran (*proposal*), perkahwinan (*wedding*), seks (*sex*), rumahtangga (*marriage*) dan pengakhiran (*ending*). Tahap-tahap ini menggambarkan bahawa cinta dalam novel-novel Inggeris pada abad 19 dan 20 bukanlah bermaksud hubungan seks dan keberahian semata-mata.

Tambahan, cinta yang berunsurkan seks dalam karya sastera dianggap sebagai sesuatu yang lucah dan taboo dalam etika Puritanisme (Mohd Zariat, 2011:41). Masyarakat Victoria memahami unsur cinta seksual yang terbuka adalah berdosa dan bertentangan dengan agama Kristian. Malah, dalam undang-undang Perancis pada abad ke-19 iaitu *The French Penal Code* telah membenarkan seorang lelaki untuk membunuh isterinya jika didapati si isteri berlaku zina dengan lelaki lain, tetapi si isteri tidak dibenarkan membunuh suami atas kesalahan yang sama (Kern, 1996:18). Masyarakat Perancis dan England pada abad itu juga mengamalkan persefahaman cinta yang berasaskan moral antara suami isteri iaitu kejujuran, kesetiaan dan komitmen.

Kajian Beth Bailey (2004) mengatakan pada abad ke-20, Amerika Syarikat memperkenalkan budaya '*dating*' sebagai ciri cinta romantisme. Walaupun berbeza dengan England, namun sedikit sebanyak budaya pacaran Amerika telah mempengaruhi corak cinta di dunia Inggeris pada abad berikutnya. Sekiranya konsep cinta romantisme awal abad ke-20 masih dipengaruhi etika Inggeris dan agama, budaya cinta Amerika mementingkan kebebasan individu serta dapat berintiman di khalayak ramai. Maksud '*dating*' sendiri adalah keluar dengan kekasih dalam istilah *stepping out*, *walking out* dan *going out*. Selain itu, cinta di era akhir abad ke-20 juga sinonim dengan romantik, percutian, komoditi dan keremajaan.

Dalam kesusasteraan berunsurkan Islam, pengumpulan terminologi cinta secara asasnya bermula pada era pemerintahan Bani Umayyah (Kilpatrick, 1995: 10). Manakala terminologi cinta romantisme pertama kalinya ditemui dalam puisi panjang karya 'Abban 'Abd al-Hamid al-Lahiqi (200H/705-815M) di era 'Abbasiyyah. Charles M. Barrack (2013) berpendapat cinta menjadi topik popular dalam kesusasteraan Arab Zaman Pertengahan sehingga mempengaruhi konsep cinta dalam Kesusasteraan Eropah. Menurut Charles M. Barrack (2013), konsep cinta yang diperkenalkan sasterawan-sasterawan Muslim Andalusia pada abad ke sembilan adalah cinta yang tidak berunsurkan seksual tetapi luhur dan tinggi.

Pada abad ke-11 iaitu di Era 'Abbasiyyah, Ibn Hazm (84-456H/994-1064M) mula mengemukakan konsep cinta yang lebih bebas. Ibn Hazm berpandangan bahawa cinta romantisme tidak ditolak oleh agama dan melanggar syariat Islam kerana hati manusia berada di tangan Tuhan. Bukunya, *The Ring of the Dove, a Treatise on The Art and Practice of Arab Love* mempunyai 30 bab yang menjelaskan secara lengkap tentang prinsip dan wacana cinta, tanda-tanda cinta, kesan kebaikan dan keburukan cinta, fenomena dalam hubungan cinta dan falsafah percintaan. Charles M. Barrack (2013: 191) mengatakan, "*Although not providing the earliest examples of this mystical doctrine, Ibn Hazm nevertheless can be considered a sound starting point because of his influence on subsequent poets in al-Andalus and perhaps in the rest of Europe.*"

Beliau membandingkan konsep cinta dalam buku Ibn Hazm dengan karya di Zaman Pertengahan Jerman atau *Minnesang of Hohen-Staufen Germany* yang muncul pada abad ke-11. Walaupun tidak ada bukti yang kukuh mengatakan konsep cinta Andalusia mempengaruhi para sasterawan Jerman abad tersebut, Charles M. Barrack (2013) mendapati tema cinta keduanya menggunakan konsep yang diistilahkan sebagai

*Platonic-Erotic Dilemma* iaitu kekasih hanya sekadar memuji dan menggambarkan keghairahan terhadap orang yang dicintainya tetapi tidak bersatu sebagai pasangan. Namun begitu, Hilary Kilpatrick (1995) turut mengatakan karya Ibn Hazm satu-satunya yang berpengaruh besar ke Eropah kerana mengemukakan pemikiran cinta yang tinggi iaitu cinta yang berunsurkan agama, moral dan psikologi.

Cinta romantisme turut dibincangkan secara serius oleh Abu 'Uthman Amr ibn Bahr al-Kinani al-Basri atau dikenali dengan al-Jahiz (160-255H/776-869M). Beliau memperkenalkan istilah *hubb* dan *'ishq* dalam bukunya, *Kitab al-'Ishq wa Nisa*. Dua istilah tersebut merujuk kepada cinta ghairah antara lelaki dan wanita (Pomerantz, 2015: 11-12). Pandangan tersebut didasarkan kepada kata-kata Abdallah Cheikh Moussa seperti berikut,


*al-Jahiz in numerous works that the notion of 'ishq comes from a courtly context in the third/ninth century that saw a retreat of free women from the public sphere and the rise of professional singing girls. Ishq is excessive love and linked to prodigality because it is precisely the arena of the court where the lavish spending on the singing girls went on (Pomerantz, 2015: 12).*

Perasaan cinta romantisme adalah fitrah manusia iaitu kenikmatan yang dianugerahkan Allah SWT kepada lelaki dan wanita. Melalui perkahwinan, wanita dan lelaki saling melihat keindahan dalam diri pasangan. Hal tersebut akan membangkitkan rasa senang dan bahagia. Allah SWT menyebutkan kenikmatan dunia (termasuk rasa cinta) sebagai bunga kehidupan dalam Surah Taha 20:131. Ibn Qayyim al-Jawziyyah mengatakan cinta romantisme itu mempunyai tahap seperti berikut,

*The first stage of love is preference (istihsan) of a person, and this leads to a desire to be near (iradat al-qurb) him or her; then comes affection (mawaddah), which means a desire to possess. Then this affection gets stronger and becomes love (mahabbah), and then strong need (khula), and then desire (hawa), such that its object is desired and loved without there being any possession; then it becomes passionate love ('ishq), and then thrall (tatayyum), where in the lover becomes the possession of the beloved, and the lover's heart is emptied of all else besides the beloved; we speak of the 'thrall of God'. Then the resolve becomes infatuation (walaha), which means to be so madly in love as to go beyond the bounds of reason and sense (dalam Ghazi Muhammad, 2010: 449-450).*

Kesimpulannya, cinta romantisme adalah cinta antara lelaki dan wanita dengan melibatkan perasaan cenderung kepada satu sama lain. Walau bagaimanapun, di setiap bidang dan zaman melahirkan konsep cinta romantismenya masing-masing. Hal ini menyebabkan pendefinisian cinta romantisme mempunyai kepelbagaian makna bagi menjelaskan rasa cinta antara lelaki dan wanita.

## CINTA ROMANTISME ISLAM



ILUSTRASI 2. Model Cinta Romantisme Islam Berasaskan Prinsip Model Rasa Insaniah

Ilustrasi di atas adalah model yang dapat menjelaskan cinta romantisme Islam yang dikemukakan kajian dengan berdasarkan Prinsip-Prinsip Model Rasa Insaniah. Seperti yang diterangkan sebelum ini, prinsip-prinsip ini adalah saling berkaitan antara satu sama lain dengan satu matlamat utama iaitu dakwah. Kajian akan menghuraikan bagaimana setiap prinsip berhubungan dengan cinta romantisme sehingga dapat dikategorikan sebagai cinta romantisme Islam.

### Cinta Romantisme Berasaskan Prinsip Pengabdian kepada Allah SWT

Prinsip pengabdian kepada Allah SWT merujuk kepada tanggungjawab penulis sebagai hamba dan hubungannya dengan Allah SWT sebagai Tuhan dan Pencipta. Oleh itu, penulis perlulah menghubungkan rasa cinta yang ditulisnya dengan tanggungjawab Tauhid tersebut. Shamsudin Othman (2012) mengatakan pengabdian boleh diertikan sebagai perlakuan yang terlalu merendahkan diri sehingga timbul perasaan takut kepada Allah SWT. Pengabdian ini juga melibatkan hubungan kejujuran dan kebenaran sehingga mewujudkan rasa takwa dalam diri penulis.

Dalam tamadun Islam, manusia termasuk para penulis perlu menyedari bahawa mereka adalah makhluk yang paling mulia seperti firmanNya dalam Surah al-Isra' ayat 70. Kemuliaan manusia terletak pada penyeimbangan antara akal dan hawa nafsu yang tidak dimiliki oleh makhluk-makhluk lain iaitu iblis, malaikat, binatang dan tumbuhan. Kemuliaan tersebut disempurnakan lagi dengan ilmu pengetahuan yang diberikanNya kepada manusia (Adam) dan bukan makhluk yang lain seperti firmanNya dalam Surah al-Baqarah 2:31.

Mohd Affandi Hassan (1992) mengatakan dengan kemuliaan manusia, mereka diberikan tanggungjawab besar dan jika diingkari, manusia akan dijatuhkan ke lapisan



yang serendah-rendahnya. Berlandaskan ayat-ayat al-Qur'an, beliau menghujahkan seperti berikut:

Satu keistimewaan manusia, yang tidak ada pada makhluk lain ialah adanya persediaan-persediaan secara tabii untuk menerima ilmu dan tanggungjawab moral, dengan itu memberi implikasi bahawa manusia secara fitrah diberi kebebasan memilih untuk mengenal yang baik dari yang buruk, dengan itu dia bertanggungjawab sepenuhnya dalam setiap perlakuannya, dan sama sekali tidak dapat menyalahkan orang lain dalam apa jua tindakannya yang merugikan dirinya, kerana setiap kebaikan dan kejahatan yang dilakukannya adalah untuk dirinya sendiri. Manusia tidak sahaja diberikan kebebasan memilih, tetapi juga diberikan kemudahan untuk melangsungkan pilihannya itu; jika dia inginkan kejahatan, maka dimudahkan untuknya jalan ke arah itu, sebaliknya, jika dia inginkan kebaikan, maka dimudahkan pula jalan ke arah itu. Manusia diberikan kebebasan bertindak mengikut tabiatnya dan kemahuannya. Jalan ke arah kebaikan dan keburukan begitu jelas sehingga setiap manusia yang benar-benar mengikut fitrah kejadiannya akan sentiasa memilih kebaikan dan menolak dengan keras sebarang kejahatan.

Untuk melaksanakan tanggungjawab hamba dan khalifahNya, manusia perlu mengenal Allah SWT. Menurut al-Ghazali (1058), ilmu mengenal Allah SWT atau tauhid adalah paling tinggi dan mulia di dalam Islam (Wan Suhaimi, 2011). Walaupun manusia tidak dapat mencapai pengetahuan yang mendalam dengan sebenar-benarnya tentang Allah SWT, tetapi mereka dapat mengenali Tuhan melalui sifat, tindakan dan nama-namaNya. Intipati tauhid adalah manusia perlu mengakui keesaan Allah SWT dengan tidak mensyirikkanNya serta mengakui kenabian dan kerasulan pesuruhNya iaitu Nabi Muhammad SAW. Penyaksian ini adalah satu bentuk penjanjian antara manusia dengan Tuhan atau syahadah. Dalam konteks ini, Al-Attas menjelaskan kejadian manusia yang diciptakan Allah SWT dengan sebaik-baik ciptaan mendorong rasa keberhutangan (*indebtedness*) kepada pihak manusia. Perasaan tersebut dimanifestasikan melalui pengakuan serta janji manusia untuk menjadi saksi terhadap kebesaran dan kekuasaan Penciptanya. Justeru, manusia adalah pihak berhutang yang sentiasa terikat dengan janji untuk melunaskan hutang (penciptaan) sepanjang kehidupan di dunia (Mohd Zariat, 2011). Rasa keberhutangan ini merujuk kelemahan, kekurangan dan kejahilan manusia yang akan sentiasa bergantung kepada Tuhan dalam setiap keadaan.

Manusia menerima hakikat penciptaannya dengan fitrah yang diberikan Allah SWT yang sesuai dengan roh, akal, hati, dan nafsu mereka. al-Attas (1980) menyatakan hubungan akal dan hati adalah erat dalam menerima kebenaran. Malahan, konsep manusia lebih dekat dengan aspek dalamannya seperti yang disebutkan al-Attas,

*It is clear from this, and many more references which we have not mentioned, that the reality underlying the definition of man is this spiritual substance, which is indicated by everyone when he says "I". When we speak of education, therefore, it must pertain to this reality of man, and not simply to his body and his animal aspect. In defining man as a rational animal, where we mean by 'rational' the capacity for understanding speech, and the power responsible for the formulation of meaning—which involves judgment, discrimination, distinction and clarification, and which has to do with the articulation of words or expressions in meaningful pattern—the meaning of 'meaning' in our present context, and based on the concept of ma'na), is the recognition of the place of anything in a system (al-Attas, 1980: 23).*

Selain itu, manusia perlu berpegang dengan panduan Allah SWT iaitu al-Qur'an dan *al-hadith* agar selamat daripada hasutan syaitan. Mereka yang setia di jalan Allah SWT adalah golongan yang bertakwa. Fazlur Rahman mengatakan takwa adalah peringkat selepas Islam dan iman. Takwa berasal dari bahasa Arab yang membawa

maksud melindungi diri daripada bahaya atau serangan. Al-Quran mengaitkan perkataan takwa dengan manusia yang beriman dan takut kepada Allah SWT. Rasa takwa terbentuk di hati dan diperjelaskan melalui tindakan seseorang yang menepati syariatNya. Beliau juga menjelaskan fungsi takwa seperti berikut,

*The most important function of taqwa is to allow man to correctly examine himself and to see the right from the wrong. It must be noted, however, that this self-examination as it is implied in the notion of taqwa can never mean self-righteousness. If this self-examination had a built-in success, humanism would work perfectly well and therefore would be no need for transcendence. But we know how subjective the consciences of people can be. Taqwa implies this very transcendence since it implies that while the choice is ours and the effect is ours, the final and truly objective judgment upon our performance is not ours but "lies with God (Fatimah, 1997: 25-26).*

Takwa dapat dikaitkan dengan rasa kenikmatan dalam beribadah kepada Allah SWT. Shamsudin Othman (2012) berpandangan secara fitrahnya manusia mempunyai rasa keinsanan yang jika dihubungkan dengan takwa dapat meningkatkan diri mereka di sisi Allah SWT. Takwa perlu dijadikan pakaian fizikal dan dalaman manusia seperti firmanNya dalam Surah al-A'raf 7:26. Dalam *Tafsir al-Azhar*, Hamka menjelaskan takwa berasal dari rumpun kata *wiqayah* yang bermaksud memelihara. Dalam konteks ini, beliau memberikan satu contoh keadaan takwa antaranya penjelasan dari sahabat Rasulullah SAW, Abu Hurayrah apabila seorang lelaki pernah bertanyakan kepada Abu Hurayrah RA, "Apa maksud takwa?" Beliau menjawab, "Pernahkah engkau melalui jalan yang banyak duri dan apa tindakanmu ketika itu?" Lelaki itu menjawab, "Apabila aku melihat duri, aku mengelak ke tempat yang tiada duri, atau aku langkahi atau aku mundur." Abu Hurairah menjawab, "Itulah takwa." Oleh itu, maksud takwa adalah menjaga diri daripada perbuatan yang dilarang Allah SWT seolah menjaga diri daripada bahaya. Hamka juga menambah, takwa mengandungi pelbagai perasaan yang positif kepada Allah SWT antaranya cinta, kasih, harapan, cemas, takut, tawakal, redho, berani, dan melakukan amal soleh.

Dalam prinsip pengabdian kepada Allah SAW sesuatu yang tidak dapat diabaikan adalah ujian dan godaan dunia. Setiap orang beriman akan diuji bagi menentukan kedudukan mereka di sisi Allah SWT. Ini disebutkan dalam Surah al-Anbiya' 21:35. Ibn Kathir (petikan dari Hariyanto, 2017: 2) mengatakan kehidupan dunia tidak lepas daripada ujian hidup sama ada bersifat kenikmatan mahupun musibah (berupa hal-hal yang menyedihkan) agar dapat diketahui apakah manusia tersebut seorang yang bersyukur dan redha pada ketentuan Allah SWT, berputus asa atau kufur. Justeru, orang-orang bertakwa adalah golongan yang berjaya menghadapi ujian Allah SWT dengan sabar dan redha. Hal ini akan mengukuhkan lagi prinsip pengabdian yang mementingkan rasa kehambaan kepada Allah SWT. Takwa juga perlu berada dalam diri manusia setiap masa. Bagi insan yang melakukan kesalahan maka rasa takut dengan takwa akan membayangi kehidupan mereka. Sementara bagi rasa gembira pula, Allah SWT tegaskan adalah untuk insan yang sabar mengerjakan perintah Allah dan meninggalkan larangan Allah. Insan sebegini akan menerima balasan nikmat kehidupan di syurga. Bahkan, golongan yang bertakwa juga adalah paling mulia di sisi Allah SWT seperti firmanNya dalam Surah al-Hujurat 49:13.

Justeru, kajian berpandangan bahawa cinta romantisme Islam terhasil daripada pengabdian kepada Allah SWT yang menghasilkan rasa takwa. Dengan perasaan ini, manusia (Muslim) akan melaksanakan segala perintahNya dan menjauhi laranganNya tanpa mendahulukan hawa nafsu termasuklah menyalurkan naluri cinta dan seksual terhadap pasangan melalui perkahwinan. Dalam konteks pengarang, rasa takwa dalam diri akan menghalang mereka daripada menghasilkan karya yang mengikut nafsu liar (Mohd

Affandi, 1992: 23). Cinta lelaki dan wanita bukan semata-mata menggambarkan keghairahan dan keinginan syahwat, lebih dari itu mengaitkan dengan kebesaran Allah SWT. Perasaan saling mencintai antara lelaki dan wanita adalah fitrah sebagaimana firmanNya dalam Surah al-Rum 31:21. Menurut Affandi Hassan (1992), ikatan perkahwinan menghapuskan keaiban pergaulan lelaki dan perempuan. Tanpa ikatan tersebut, Islam tidak mengiktiraf hubungan cinta romantisme antara lelaki dan wanita kerana dapat menjerumuskan mereka ke lembah zina. Sebaliknya, dengan perkahwinan, kedua-duanya bebas melakukan apa sahaja yang diizinkan oleh agama dan batas-batas kemanusiaan, bebas daripada kutukan dan celaan, dan timbul rasa aman serta selamat.

Penulis perlu juga menjadikan Rasulullah SAW sebagai teladan dalam menanamkan perasaan cinta masyarakat kepada Allah SWT berbanding rasa cinta kepada makhlukNya. Shamsudin Othman (2012: 147) merujuk doa Rasulullah SAW sebagai landasan gandingan rasa takwa dan cinta yang perlu diutamakan penulis ketika berkarya,

Ya, Allah, saya memohon kepada-Mu supaya sentiasa dapat mencintai-Mu dan mencintai mereka yang mencintai-Mu. Begitu juga segala amalan yang membawa saya kepada mencintai-Mu. Ya, Allah, jadikanlah saya mencintai-Mu dengan lebih daripada mencintai diri saya sendiri, keluarga saya sendiri dan air yang dingin (Shamsudin, 2012: 147).

Cinta romantisme adalah sesuatu yang dibenarkan Islam dengan mengikut acuan syariat Allah SWT iaitu perkahwinan. Menurut Ghazi bin Muhammad (2010: 9) cinta adalah fitrah iaitu cinta kepada perempuan, anak-anak, harta-benda berupa emas dan perak, kuda (dapat dinisbahkan kepada kenderaan), haiwan ternakan, sawah dan kesenangan dunia. Walau bagaimanapun, cinta yang paling kekal adalah cinta kepada Allah SWT.

### **Cinta Romantisme Berasaskan Prinsip Pengucapan Beradab**

Prinsip kedua ini memberikan penekanan terhadap rasa syukur dan rasa taubat yang tergambar dalam pengucapan, pemikiran dan pegangan dalam hasil karya pengarang. Dua perasaan ini diangkat oleh Shamsudin Othman (2012) untuk melihat pancaran peribadi pengarang. Menurutnya, semakin bermutu karya yang terhasil, maka semakin tinggi jugalah sifat-sifat insaniah (kebaikan) yang ada dalam diri pengarang. Prinsip ini menggunakan istilah adab yang mempunyai maksud yang sama dengan akhlak. Menurut Shamsudin Othman (2012) adab merupakan istilah yang diguna pakai secara meluas oleh orang Melayu manakala akhlak adalah istilah bahasa Arab. Justeru, prinsip pengucapan beradab dapat dikatakan juga prinsip pengucapan berakhlak.

Rasa syukur muncul daripada diri yang berakhlak mulia iaitu orang-orang yang dapat memahami hikmah dan mempraktikkan dalam kehidupan. Dengan perasaan ini, seseorang penulis dapat menyampaikan ideanya sebagai satu dakwah yang berkesan. Muhammad Abduh (dalam S. Salahudin, 2008: 31) mengatakan hikmah adalah memahami rahsia dan faedah sesuatu yang menggerakkan kemahuan untuk melakukan perbuatan bermanfaat. Hikmah juga bermaksud lemah-lembut, bijaksana, pengetahuan yang berguna, berani, tegas, menyatakan sesuatu tepat pada tempatnya, bersumberkan al-Qur'an dan Sunnah, kefahaman terhadap al-Qur'an dan Sunnah serta bertindak berpandukan ajaran Allah dan rasulNya. Justeru, hikmah adalah akhlak mulia yang memandu insan untuk membezakan perkara yang benar dan batil. Para penulis perlu menyontohi teladan dari Rasulullah SAW yang mengutamakan hikmah dalam berdakwah. Rasulullah SAW mempunyai kemahiran dalam menggunakan bahasa atau dialog yang indah dan tertib. Baginda berdialog dengan masyarakat Makkah menggunakan gaya

bahasa yang positif, fasih, lancar dan tersusun rapi. Baginda SAW tidak menggunakan kata-kata yang kesat, rendah dan maki hamun sekalipun dalam keadaan cemas dan genting. Hasilnya, dalam kehidupan baginda SAW, ramai yang telah memeluk agama Islam kerana ketinggian akhlak dan kehalusan perkataan baginda SAW (Umami Hani, 2011).

Dr. Wahbah al-Zuhayli (2005) menggariskan akhlak yang mulia adalah bermula dengan akhlak terhadap diri sendiri, akhlak dengan Pencipta, dan akhlak dengan manusia. Misalnya, bersifat malu, menjaga pandangan dan nafsu, bersikap lemah-lembut kepada manusia dan binatang, meninggalkan percakapan yang sia-sia, menjaga kebersihan, memaafkan orang lain, memberikan senyuman dan menghormati tetamu. Akhlak yang menghasilkan rasa syukur dan rasa taubat bermula daripada penghayatan ilmu. Manusia yang telah mengenali dan bertakwa (takut) kepada Allah SWT sebagai Tuhan dan Pencipta alam memerlukan ilmu yang benar. Mohd Affandi Hassan menegaskan pengarang perlu mempunyai ilmu yang benar agar memberikan implikasi yang baik kepada pembaca. Jika sebaliknya, usaha mereka akan sia-sia. Beliau memetik pandangan al-Ghazali (1966) dan al-Attas (1980) dalam mendefinisikan ilmu yang benar iaitu gandingan antara keimanan dan keyakinan serta penitisan makna sesuatu ke dalam diri insan melalui sumber dari Tuhan. Seterusnya, makna ilmu dalam Islam ialah kenalnya manusia pada Allah melalui tanda-tanda yang diperlihatkanNya kepada manusia dan betulnya tafsiran manusia kepada makna tanda-tanda itu. Dalam konteks hubungan sesama manusia, ilmu yang benar dapat menjadikan manusia bersikap adil dan menjauhi kezaliman sebagaimana menurut al-Attas (1978: 73), “...*justice implies knowledge of the right and proper place for a thing or being to be; of right as against wrong; of the mean or limit; of spiritual gain as against loss, truth as against falsehood,*”

Dengan kefahaman tersebut, manusia memahami tujuan mereka sebagai khalifahNya yang wajib berbuat baik kepada para makhlukNya. al-Qur'an menjelaskan konsep insan adalah dengan melakukan kebaikan kepada insan yang lain seperti firmanNya dalam Surah al-Baqarah 2:177. Dalam ayat tersebut, Allah SWT meletakkan keutamaan selepas beriman kepadaNya adalah berbuat baik sesama manusia bermula dengan ahli keluarga, anak-anak yatim, golongan miskin, para perantau, orang yang memerlukan bantuan, orang Islam dan seluruh manusia. Bahkan Nabi Muhammad SAW menegaskan bahawa berbuat baik kepada manusia lain dengan tidak meminta –minta dan berusaha memenuhi keperluan ahli keluarga sebagai jihad (Syed, 2010). Seterusnya, al-Attas (1980) mengatakan hasil daripada ilmu yang benar akan melahirkan adab atau akhlak iaitu upaya untuk mendisiplinkan diri manusia meliputi fikiran, jiwa dan fizikalnya agar berada dalam kebenaran.

Sekiranya dihubungkan konsep cinta romantisme dengan prinsip pengucapan beradab ianya merujuk pengucapan rasa cinta terhadap pasangan yang mempunyai nilai syukur dan taubat hasil daripada pemahaman ilmu yang membuahkan hikmah atau kebijaksanaan. Hikmah tersebut diperolehi daripada usaha seseorang menjadi manusia yang berakhlak mulia. Dalam menggambarkan rasa cinta romantis, pengarang perlu mencontohi bahasa Al-Quran yang penuh kiasan indah dan makna tersirat. Misalnya al-Qur'an menggunakan perkataan '*libas*' yang bermaksud pakaian bagi menggambarkan hubungan suami isteri seperti firmanNya dalam Surah al-Baqarah 2:187 yang bermaksud, “Mereka (para istri) adalah pakaian bagimu dan kamu pun adalah pakaian bagi mereka.”

Pakaian melindungi manusia daripada keaiban, tetapi pada waktu yang sama menimbulkan ketenangan sebagaimana hubungan suami isteri yang saling melindungi dan melengkapi dalam kebahagiaan. Tanpa pakaian pula, manusia kelihatan seperti binatang dan tidak bertamadun (Mohd Affandi, 1992). Pengarang juga perlu mengelakkan pengucapan yang berbaur seks walaupun dalam pengisahan suami-isteri di dalam karya. Ini ditekankan oleh Mohd Affandi Hassan (2008: 62) seperti berikut,

Istilah picisan di sini tidak terbatas secara sempit kepada kelucahan semata-mata, tetapi harus difahami secara menyeluruh, meliputi idea, tema, bahasa, gaya, watak dan perwatakan, lambang, dialog, paksi naratif, kriteria penilaian, dan lain-lain aspek yang berhubungan dengan penciptaan karya kreatif. Semua aspek ini menjadi picisan apabila diolah secara mudah, cetek, dangkal, menyeleweng daripada nilai-nilai tamadun manusia yang beradab, yakni melihat semua perkara daripada hawa nafsu manusia yang ingin bebas lepas daripada tanggungjawab taklif. Sebuah karya akan menjadi karya picisan apabila karya tersebut menjadikan kejahatan (hawa nafsu) sebagai nilai utama dalam penciptaan karya tadi.

Walaupun hubungan suami isteri adalah halal tetapi pengisahan yang menonjolkan nilai seksual dan hubungan intim tidak bertepatan dengan bahasa Al-Quran. Bahkan penggambaran fisiologi yang berunsurkan seks tidak menepati fungsi sastera Islam yang mementingkan peranan wanita berilmu pengetahuan, bermaruah dan digniti sebagai manusia bukan objek atau komoditi (Ungku Maimunah & Zulkarnain, 2013: 74-75). Oleh itu, cinta romantisme yang cocok dengan sastera Islam adalah yang dapat menimbulkan rasa syukur dan insaf kepada pembaca melalui pengucapan cinta yang indah, bermaruah, tidak mengikut hawa nafsu serta mengaitkan dengan kebesaran Allah SWT yang menghalalkan hubungan lelaki dan wanita melalui perkahwinan.

### **Cinta Romantisme Berasaskan Prinsip Kehalusan Makna**

Prinsip ketiga ini mempunyai persamaan dengan prinsip kedua iaitu penekanan terhadap cara penyampaian karya yang berhikmah kepada para pembaca. Walau bagaimanapun, prinsip ketiga memfokuskan kehalusan isi kandungan yang berupaya memberi pengajaran serta membangkitkan rasa insaniah para pembaca. Shamsudin Othman (2012) mendefinisikan kehalusan sebagai ketertiban mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dalam masyarakat dan sentiasa berhati-hati dalam melakukan sesuatu perkara. Prinsip ini juga cuba disesuaikan dengan kehalusan makna dalam konteks masyarakat Melayu yang memiliki khazanah budaya seperti budi pekerti dan kesantunan bahasa yang tinggi. Hasyim Musa (dipetik dari Shamsudin, 2012: 335) mengatakan seperti berikut,

Kesantunan orang Melayu adalah keperibadian luhur dalam sahsiah seseorang manusia. Sahsiah ini merujuk kepada kehalusan makna dalam pengucapan yang dipengaruhi oleh tiga faktor, iaitu pertama, fiil perangai dan budi pekerti yang membawa kepada gerak perlakuan. Kedua, budi bahasa dan tutur katanya yang membawa kepada percakapan, dan ketiganya ialah hati budi, iaitu kalbu dan akal yang melahirkan ilmu yang benar dan penuh hikmah. Ketiga-tiga komponen ini wajib ada dalam diri seseorang penyair (penulis) Melayu kerana gabungan komponen ini akan mezhahirkan unsur-unsur kehalusan makna atau keindahan dalam bahasa (nilai-nilai estetika).

Kehalusan makna dalam tradisi persuratan Melayu wujud disebabkan oleh pengaruh Islam terutama al-Qur'an iaitu wahyuNya yang mempunyai metodologi kesenian yang tinggi (al-Faruqi, 1990b). al-Qur'an adalah mukjizat Allah SWT yang luhur dari segi isi kandungan sehingga dapat memberikan kesan yang luhur kepada para pembacanya. Bahasa al-Quran adalah bahasa Arab yang tinggi dan berupaya mengungkapi erti kata secara terperinci, lalu menyelinap ke dalam jiwa, dan menimbulkan sesuatu penghayatan yang dapat dicapai oleh perasaan dan fikiran manusia (al-Faruqi, 1990a). Bahasa Arab banyak mempengaruhi kosa kata Bahasa Melayu sehingga membantu keberkesanan

menyampaikan mesej dan kehalusan makna. Secara tidak langsung juga, peradaban Islam menyerapi norma-norma harian masyarakat Melayu.

Dalam penggambaran makna halus tentang cinta, maksud hadith Rasulullah SAW (dipetik dari Ghazi Muhammad, 2010: 13) ini menjadi sandaran bahawa cinta adalah sesuatu yang indah, halus dan fitrah, "Allah itu indah, dan Dia menyintai keindahan."

Ghazi Muhammad (2010) mengatakan segala keindahan yang ada di dunia diciptakan oleh Allah SWT kerana Dia bersifat *al-Jamil* iaitu indah dan setiap keindahan datang dariNya. Dari segala keindahan, Tuhanlah yang Paling Indah. Akar etimologi perkataan '*hubb*' atau cinta berasal dari kata '*habb*' bermaksud benih dengan siratan maksud bahawa benih yang jatuh ke tanah akan menumbuhkan tanaman baru yang cantik seperti firmanNya dalam Surah al-Baqarah 2:261.

Allah SWT juga mempunyai nama-nama yang dekat dengan maksud cinta iaitu *al-Rahman* (Yang Maha Pengasih), *al-Rahim* (Yang Maha Pemurah), *al-Latif* (Yang Lemah-Lembut), *ar-Ra'uf* (Yang Murah Hati), *al-Karim* (Yang Maha Mulia), *al-Halim* (Yang Paling Dipercayai), *al-Wakil* (Yang Paling Dekat), *al-Wali* (Yang Paling baik), *al-Barr* (Yang Memberi Pengampunan), *al-Ghafur* (Yang Pemaaf), *al-Ghaffar*, *al-Tawwab* dan *Al-'Afw* (Yang Memberi dan Menerima Taubat) serta *al-Wadud* (Yang Maha Cinta). Nama-nama Allah (*Asma ul-Husna*) menunjukkan Tuhan Amat Teliti dan Maha Halus pada setiap makhlukNya. Kehalusan seni penciptaan termasuk sastera yang berteraskan Tauhid tidak melihat pada keindahan inderawi semata-mata, tetapi menyuluh hal yang berkaitan ruh dan akhlak. Shafie Abu Bakar (1990) mengatakan,

Keindahan tidak dikatakan indah jika terkandung di dalamnya unsur-unsur yang bercanggah dengan nilai-nilai keislaman. Namun, ianya merupakan lingkaran bulatan yang boleh disusun dari keindahan, kebaikan, kebenaran dan lain-lain yang semaksud dengannya berpadu menjadi satu yang sinonim dari segi maknanya (membentuk kesempurnaan yang selaras pandangan tauhid).

Berdasarkan prinsip ini, cinta romantisme perlu dilihat dari sudut epistemologi penciptaan lelaki dan wanita iaitu untuk saling berhubungan (melalui perkahwinan) bagi melahirkan generasi manusia seterusnya. Wanita dan lelaki saling memerlukan sokongan emosi, psikologi dan seksual yang menjadi fitrah insani mereka (Ghazi, 2010). Beliau mendapati semua bentuk cinta lelaki dan perempuan dalam Islam berlaku selepas perkahwinan. Cinta suami isteri diistilahkan sebagai kerehatan jiwa dan sumber ketenangan, tidak terbatas kepada keperluan biologi dan fizikal sahaja. Oleh kerana perkahwinan sebagai penyatuan rasa cinta antara lelaki dan wanita, Islam amat menitik-beratkan pemilihan pasangan dan pembinaan keluarga Muslim (Mohd Zariat, 2011).

Berasaskan pemahaman ini, pengertian cinta romantisme yang berprinsipkan kehalusan makna perlulah bersesuaian dengan budaya Melayu yang telah diserapi agama Islam khususnya dalam menjelaskan hubungan suami isteri. Cinta bukan sahaja bersifat keseronokan dan keghairahan tetapi kerehatan jiwa antara pasangan yang kemudiannya mendorong suami isteri untuk melaksanakan ajaran Islam bersama-sama. Antara pasangan mempunyai tanggungjawab untuk saling melindungi daripada perkara mungkar, keaiban dan perkara yang memudharatkan. Oleh itu, menjadi tanggungjawab para penulis untuk menjelaskan makna cinta romantisme dalam pengertian kehalusan makna agar mesej karyanya dapat membangkitkan rasa insaniah para pembaca.

## KESIMPULAN

Konsep cinta romantisme Islam yang dikemukakan kajian bukanlah satu konsep atau teori baru tetapi merupakan cabang daripada rasa insaniah yang berpaksikan prinsip-prinsip daripada teori Model Rasa Insaniah (MRI). Berdasarkan kajian Shamsudin Othman

(2012), beliau mendapati sekurang-kurangnya lapan perasaan utama dalam MRI iaitu rasa takwa, rasa cinta, rasa takut, rasa syukur, rasa taubat, rasa rindu, rasa simpati dan rasa pasrah. Oleh itu, kajian memfokuskan rasa cinta untuk dibincangkan secara lebih mendalam dengan pengkhususan terhadap cinta romantisme. Hal ini kerana, cinta romantisme merupakan sebahagian fitrah manusia yang apabila dihubungkan dengan konsep Islam, rasa cinta ini saling berhubung-kait serta tidak boleh dipisahkan daripada rasa-rasa insaniah yang lain terutama rasa takwa, rasa syukur, rasa taubat, rasa pasrah dan rasa rindu. Kajian juga mendapati rasa-rasa ini saling melengkapi antara satu sama lain dan bersifat subjektif. Penerapan konsep Cinta Romantisme Islam dapat memandu para penulis menghasilkan karya mithali yang mementingkan keimanan, adab dan hikmah kepada para pembaca. Dalam masa yang sama, menghindari tradisi kesusasteraan barat yang menjadikan cinta romantisme sebagai gambaran kebebasan individu semata-mata.

## RUJUKAN

- A. Rahim Abdullah. (2011). Rasa, Roh dan Jiwa Melayu dalam Novel Masuk ke Dalam Cahaya. Kertas kerja Seminar Pemikiran Sasterawan Negara Abdullah Hussain: Kepengarangan Abdullah Hussain dari Tradisi ke Moden. 19-20 Oktober, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Atak, Hasan & Tastas, Nuray. (2012). Romantic Relationship and Love. *Current Approaches in Psychiatry*. 4(14), 520-546.
- Bailey, Berth L. (1988). *From Front Porch to Back Seat: Courtship in Twentieth-Century America*. Maryland: The John Hopkins University Press.
- Barrack, Charles M. (2013). Motifs of Love in the Courtly Love Lyric of Moslem Spain and Hohenstaufen Germany. *Monatshefte*. 105(2), 173-200.
- al-Faruqi, Ismail. (1990a). Tauhid dan Seni Persuratan. Dlm. Ahmad Kamal Abdullah (pnyt.). *Kesenian Islam* (hlm. 1-30). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Faruqi, Lois Lamyah. (1990b). Prinsip Islam dan Seni Tampak: Satu Kajian Kes dari Malaysia. Dlm. Ahmad Kamal Abdullah (pnyt.). *Kesenian Islam* (hlm. 31-48). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fatimah Husien. (1997). Fazlur Rahman's Islamic Philosophy. Disertasi Sarjana tidak diterbitkan, Institut Pengajian Islam, Universiti Mc Gill, Montreal.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (1964). *Ihya' Ulumuddin*. Diambil dari <https://archive.org/details/IhyaUlumuddinBahasaIndonesiaJilid1>.
- Hamka, Haji Abdul Malik Karim Amrullah. (t.th.). *Tafsir al-Azhar Juzuk 30*. Diambil dari <https://www.scribd.com/document/356607843/HAMKA-Tafsir-Al-Azhar-Juz-30-pdf>.
- Hariyanto, Muhsin. (2017). *Perbedaan antara Ujian, Musibah dan Azab*. t.tp.: t.pt.
- Ibn Hazm, Abu Muhammad 'Ali ibn Ahmad al-Andalusi. (t.th.). *The Ring of the Dove (A Treatise on the Art and Practice of Arab Love)* (terj.). London: Luzac and Company.
- Kamariah Kamarudin. (2011). *Takmilah dalam Novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kern, Stephern. (1996). *Eyes of Love, The Gaze in English and French Culture 1840-1900*. New York: Nyu Press.
- Kilpatrick, Hillary. (1995). Introduction: On Love and Sexuality in Modern Arabic Literature. Dlm. Allen, Roger et al. (pnyt.). *Love and Sexuality in Modern Arabic Literature*. (hlm. 9-15). London: Saqi Books.
- Kwon, Minjung & Han, Youngjee. (2017). How Love and Lust Influence Self Control. *Social Behavior and Personality: An International Journal*. 45, 177-190.
- Mohd Affandi Hassan, Ungku Maimunah Mohd Tahir & Mohd Zariat Abdul Rani. (2008). *Gagasan Persuratan Baru: Pengenalan dan Penerapan*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohd Affandi Hassan. (1992). *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Zariat Abdul Rani. (2011). *Seksualiti Dalam Novel Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Salleh. (2011). In Search of Literary Love in Malay Literature: The Early Stages of Relationship. *Asiatic*. 5(2), 17-39.
- Muhammad, Ghazi. (2010). *Love in the Holy Quran*. Chichago: Kazi Punlication.
- Nygren, Anders. (1989). Agape and Eros. Dlm. Soble, Alan (pnyt.). *Eros, Agape and Philia* (hlm. 85-95). New York: Paragon House.
- al-Quran Darul Iman*. (2007). Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman Sdn Bhd.
- Rougemont, Denis De. (1940). *Love in the Western World*. New Jersey: Princeton University Press.
- Rousar, Edward Everelt. (1989). Valuing's Role in Romantic Love. Tesis Dr. Fal. tidak diterbitkan, Pacific Graduate School of Psychology, California.
- S. Salahudin Suyurno. (2008). *Islam dan Komunikasi*, Selangor: Pusat Penerbitan Universiti UPENA, Universiti Teknologi MARA.
- Shafie Abu Bakar. (1990). Keindahan dalam Kesenian Islam. Dlm. Ahmad Kamal Abdullah (pnyt.). *Kesenian Islam* (hlm. 89-105). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamsudin Othman. (2012). Model Rasa Insaniah dalam Puisi Islam Tiga Penyair Nusantara. Tesis Dr. Fal. tidak diterbitkan, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Soble, Alan. (1989). *Eros, Agape and Philia*. New York: Paragon House.
- Steadman, Geoffrey. D (2009). *Plato's Symposium Greek Text with Facing Vocabulary and Commentary*. Diambil dari <https://geoffreysteadman.files.wordpress.com/2014/09/platosymp-sept14.pdf>.
- Stravogiannis, Andrea Lorena da C et. al. (2017). Pathological Jealousy and Pathological Love: Apples to Apples or Apples to Oranges? *Psychiatry Research*. 259, 562-570. <https://doi.org/10.1016/j.psychres.2017.11.029>
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (1980). *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Syed, Jawad. (2010). Principles of Employment Relations in Islam: A Normative View. *Emerald Insight*. 32(5), 454- 469.
- Ummi Hani Abu Hassan. (2011). Drama Dakwah di Malaysia: Kajian tentang Proses Penulisan Skrip. Disertasi Sarjana tidak diterbitkan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir & Zulkarnain Mohamed. (2013). *Islam, Feminisme Barat dan Sastera Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Suhaimi Wan Abdullah. (2011). al-Ghazali's Methods of Proof Fil Al-Iqtisod fi al-Iqtisod. *Islam & Science*. 9(2), 131-150.
- al-Zuhayli, Wahbah. (2005). *Akhlaq al-Muslim 'Alaqqat bi al-Nafs wa al-Kawn*. Dimashq: Dar al-Fikr.